



**GEORGE FISHER (tiga dari kiri) melihat replika rumah mangsa banjir sambil disaksikan Musa Ahmad (dua dari kiri) dalam Majlis Penghargaan Misi Bantuan Kemanusiaan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI**

## Tesco peruntuk RM500,000 bina rumah

**KUALA LUMPUR 4 Mac** - Tesco Stores (Malaysia) Sdn. Bhd. memperuntukkan RM500,000 bagi membina rumah mangsa banjir dalam misi bantuan kemanusiaan fasa kedua Projek 'Shelter' di Sungai Pinang, Tumpat, Kelantan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk George Fisher berkata, dalam fasa itu, sebanyak lapan rumah berkonsepkan seni bina Islam akan dibina dan setiap rumah itu bakal dilengkapi dengan perabot.

Katanya, pembinaan rumah itu menggunakan sumbangan daripada pemborong serta rakan niaga melalui 52 rangkaian Tesco di negara ini dan United Kingdom (UK).

"Rumah tersebut mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air serta dibina menggunakan ba-

han yang boleh dikitar semula di samping bercirikan mesra alam.

"Ia merupakan kemudahan asas yang sangat diperlukan oleh semua mangsa banjir di sana selepas mengalami kemusnahan yang teruk sehingga menyebabkan kehilangan tempat tinggal," katanya ketika berucap dalam Majlis Penghargaan Misi Bantuan Kemanusiaan, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Hal Ehwal Korporat dan Perhubungan Kerajaan Tesco Malaysia, Datuk Azlam Shah Alias dan Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Projek Shelter merupakan misi bantuan kemanusiaan yang dilancarkan oleh Tesco Malaysia ber-

tujuan membantu mangsa banjir dengan menyediakan keperluan asas terutama tempat tinggal.

Seramai lebih 100 sukarelawan termasuk pelajar Universiti Antarabangsa Tun Abdul Razak (Unitar) dan ahli Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (Rela) telah terlibat dalam misi fasa pertama yang diadakan di Kelantan baru-baru ini.

Sementara itu, Azlam berkata, pihaknya menetapkan beberapa kriteria bagi membina rumah tersebut antaranya memiliki tanah sendiri dan tidak pernah menerima bantuan kerajaan sebelum ini.

"Di samping itu, kami bersama kerajaan negeri akan meneliti dan membuat penentuan pada pemilihan terakhir sebelum membina rumah berkenaan," katanya.